

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 17/12/2018
Edisi / Muka Surat : Nasional / 11
Tajuk : ANGKASA laksana program pemulihan OKU

Angkasa laksana program pemulihan OKU

SINAR 17/12/2018 MS 11

FOTO: BERNAMA

KUALA KUBU BHARU - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan melaksanakan program sukarelawan, khususnya dalam aspek pemulihan kefungsi golongan orang kurang upaya (OKU) bermula suku kedua tahun depan.

Naib Presiden Angkasa, Datuk Che Mohd Shukree Che Isa berkata, ia akan dilakukan melalui koperasi sedia ada seperti koperasi Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan koperasi-koperasi universiti.

Menurutnya, koperasi terbabit mempunyai kepakaran dan latihan dalam membantu pemulihan golongan OKU seperti rawatan fisioterapi, pemulihan pertuturan, fizikal dan psikologi klinikal.

"Kita dapati rumah kebajikan yang menempatkan golongan OKU khususnya kategori terlantar, memerlukan bantuan tenaga untuk penjagaan, latihan dan pe-



Che Mohd Shukree (dua, kiri) dan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor, Mohammad Hanafi Maulud (tiga, kiri) beramah mesra bersama penghuni taman itu, semalam.

mulihan.

"Di sini rangkaian koperasi Angkasa seperti HKL dan universiti sudah ada kepakaran itu, dan mungkin dua, tiga anggota mereka boleh ditempatkan di rumah kebajikan OKU untuk tempoh tertentu sebagai kerja sukarelawan dan sokongan," katanya selepas program amal 'Co-op

Care' bersempena Hari Suka-relawan Sedunia di Rumah Kebajikan Taman Sinar Harapan yang disertai 30 anggota Rakan Sukarelawan Co-op Malaysia di sini, semalam.

Pada majlis sama, Angkasa turut menyumbangkan 23 tilam hospital sebagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat koperasi itu. - Bernama

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA